



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 52
No. 15

16hb Julai 2009

*TAMBAHAN No. 8
PERUNDANGAN*

K. P.U. 9.

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(Akta 171)**

**UNDANG-UNDANG KECIL PASAR MALAM/SEHARI
(MAJLIS DAERAH KUBANG PASU) 2009**

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-undang Kecil

1. Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Lesen
4. Lesen hendaklah dipamerkan
5. Fi lesen
6. Syarat lesen
7. Lesen tidak boleh dipindahmilik

Undang-undang Kecil

8. Kehadiran pemegang lesen dan pelantikan penama
9. Halangan
10. Tanggungjawab pemegang lesen
11. Pembuangan sampah
12. Tumpahan bahan busuk
13. Gerai pasar malam/sehari dipindahkan selepas waktu perniagaan
14. Larangan
15. Rampasan
16. Kuasa mengkompaun
17. Penalti

JADUAL

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(Akta 171)

UNDANG-UNDANG KECIL PASAR MALAM/SEHARI
(MAJLIS DAERAH KUBANG PASU) 2009

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Daerah Kubang Pasu membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut. Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan Undang-undang Kecil yang berikut:

Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pasar Malam/Sehari (Majlis Daerah Kubang Pasu) 2009**.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Kubang Pasu dan hendaklah berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. (1) Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan konteksnya menghendaki makna yang lain—

“gerai pasar malam/sehari” termasuklah sebuah gerai, tapak, meja, bangku, kerusi, gerobok atau mana-mana bumbung yang mudah-alih atau tidak dan sama ada beroda atau tidak beroda di mana makanan, minuman atau barang-barang daripada apa jua jenis dijual atau dipamerkan untuk jualan;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Kubang Pasu;

“pasar malam” ertinya mana-mana tapak di atas mana-mana jalan awam, lorong awam atau tempat-tempat awam yang mana pada fikiran Majlis adalah sesuai untuk jualan atau dipamerkan untuk jualan sesuatu makanan, minuman atau barang-barang daripada apa-apa jua jenis, daripada jam 4.00 petang hingga 12.00 malam;

“pasar sehari” ertinya mana-mana tapak di atas mana-mana jalan awam, lorong awam atau tempat-tempat awam, yang mana pada fikiran Majlis adalah sesuai untuk jualan atau dipamerkan untuk jualan sesuatu makanan, minuman atau barang-barang daripada apa jua jenis, daripada jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari;

“Pemegang lesen” ertinya mana-mana orang atau pertubuhan kepadanya suatu lesen telah diberikan di bawah Undang-undang Kecil ini;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua, Majlis Daerah Kubang Pasu.

Lesen

3. (1) Tiada seorang pun boleh mendirikan atau meletakkan mana-mana gerai pasar malam/sehari di atas mana-mana jalan awam, lorong awam atau mana-mana tempat awam tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua.

(2) Tiap-tiap lesen boleh dibatal, ditarik balik atau digantung oleh Yang Dipertua pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.

(3) Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil ini hendaklah ditandatangani oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis olehnya, dan hendaklah dalam borang yang ditetapkan oleh Yang Dipertua dari masa ke semasa.

(4) Lesen yang dikeluarkan hendaklah mempunyai penetapan tapak atau tapak-tapak dan saiz gerai pasar malam/sehari yang dibenarkan termasuklah juga waktu perniagaan dan menduduki suatu kawasan tidak melebihi keluasan yang ditetapkan dalam lesen.

Lesen hendaklah dipamerkan

4. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesennya pada setiap masa, di suatu tempat yang mudah dilihat dan diperiksa di gerainya dan mengemukakan atau disebabkan supaya dikemukakan lesen itu apabila diminta oleh mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa bertulis oleh Yang Dipertua.

Fi lesen

5. (1) Fi yang perlu dibayar bagi menjalankan suatu pasar malam/sehari hendaklah sebagaimana ditetapkan dalam Jadual I atau II.

(2) Fi yang dibayar bagi suatu lesen tidak boleh dibayar balik apabila suatu lesen itu dibatalkan atau digantung.

Syarat lesen

6. Setiap lesen dikeluarkan adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Majlis untuk dikenakan dan sekiranya mana-mana terma dan syarat itu tidak dipatuhi, lesen itu boleh dibatalkan atau dimansuhkan pada bila-bila masa oleh Yang Dipertua.

Lesen tidak boleh dipindahmilik

7. (1) Tiada pemegang lesen mana-mana gerai pasar malam/sehari boleh memindahmilik, memajak atau menyewakan lesennya kepada mana-mana orang atau pertubuhan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua.

(2) Walau apa pun peruntukan dalam Undang-undang Kecil 7(1) bagi lesen-lesen yang dikeluarkan kepada mana-mana penganjur berdaftar, pajakan dan penyewaan lesen kepada mana-mana orang, boleh dibenarkan oleh Yang Dipertua.

Kehadiran pemegang lesen dan pelantikan penama

8. (1) Pemegang lesen hendaklah sentiasa hadir dan menjalankan atau mengawasi perniagaan di gerai atau dipetaknya melainkan jika ia tidak dapat hadir atas suatu sebab yang munasabah.

(2) Jika pemegang lesen tidak dapat menguruskan perniagaan di gerainya selama tempoh tiga puluh hari atau lebih, ia hendaklah melantik penama mengambil tempatnya dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan secara bertulis daripada Yang Dipertua.

(3) Jika seorang penama bertindak bagi pihak seorang pemegang lesen di bawah Undang-undang Kecil ini, kewajipan-kewajipan dan tanggungjawab-tanggungjawab yang dikenakan ke atas pemegang lesen di bawah Undang-undang Kecil ini hendaklah terletak ke atas penama tersebut yang mana boleh didakwa atas apa-apa pelanggaran Undang-undang Kecil ini seolah-olah ia adalah pemegang lesen.

(4) Yang Dipertua boleh menetapkan apa-apa bayaran dan syarat-syarat tambahan bagi pelantikan seorang penama.

Halangan

9. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah membiarkan semua tempat lalu-lalang di sebelah gerai pasar malam/sehari bebas dari apa jua jenis halangan yang timbul dari atau berkaitan dengan perniagaannya dan tiada pemegang lesen boleh menempatkan mana-mana barang perniagaannya melewati garis-garis penandaan yang menunjukkan kawasan gerainya.

Tanggungjawab pemegang lesen

10. Tiap-tiap pemegang lesen gerai pasar malam/sehari hendaklah—

- (a) menjaga dirinya dan pemakaian supaya berada dalam keadaan yang bersih;
- (b) memastikan semua barang-barang yang berhubung dengan perniagaannya termasuk makanan dan minuman supaya berada dalam keadaan baik dan bersih; dan
- (c) Menjalani pemeriksaan kesihatan mengikut sebagaimana yang diarahkan oleh Yang Dipertua.

Pembuangan sampah

11. (1) Semua sampah-sarap yang mudah busuk atau sampah-sarap jenis pepejal yang basah hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik atau bekas-bekas lain yang sesuai dan hendaklah diikat dengan sempurna sebelum dimasukkan ke dalam suatu tong sampah.

(2) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah menentukan bahawa semua sampah-sarap yang terkumpul semasa menjalankan perniagaan itu dibuangkan dari semasa ke semasa ke dalam suatu tong sampah.

(3) Setiap pemegang lesen hendaklah memastikan tapak tempat perniagaannya bersih dan bebas dari sebarang kekotoran selepas perniagaannya tamat.

Tumpahan bahan busuk

12. Tiada pemegang lesen gerai pasar malam/sehari atau pekerja-pekerjanya boleh menyebabkan atau membenarkan diletakkan, ditumpahkan, ditaburkan atau dibuang apa-apa jua bahan buangan, cecair buangan atau bahan-bahan busuk lain ke atas mana-mana jalan atau tempat awam atau ke dalam mana-mana longkang.

Gerai pasar malam/sehari dipindahkan selepas waktu perniagaan

13. Semua barang, benda atau alat-alat lain yang berkaitan dengan gerai pasar malam/sehari hendaklah dipindahkan oleh pemegang lesen selepas tamat tempoh waktu berniaga yang ditetapkan.

Larangan

14. Tiada seorang pun boleh mendirikan mana-mana gerai pasar malam/sehari—
- (a) di atas jalan-jalan utama;
 - (b) dalam lingkungan sembilan meter dari persimpangan jalan;
 - (c) dalam lingkungan tiga puluh enam desimeter dari pili bomba; atau
 - (d) berhampiran dengan mana-mana surau, masjid, tanah-tanah perkuburan atau tempat-tempat beribadat.

Rampasan

15. (1) Mana-mana barang yang dicadangkan atau didedahkan untuk jualan, di pasar-pasar malam/sehari, bersama-sama dengan bekasnya dan mana-mana alat yang menyertainya dan juga gerai atau kereta kepunyaan orang yang berniaga tanpa lesen atau melanggar Undang-undang Kecil ini boleh dirampas dan dipindahkan oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua dan ditahan di situ atas risiko pemunyaanya.

(2) Apa-apa bahan yang disita dari jenis yang tidak tahan lama bolehlah dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

(3) Apa-apa barang dari jenis yang tahan lama sekiranya tidak dituntut oleh pemegang lesen dalam tempoh 30 hari dari tarikh disita hendaklah dilupuskan mengikut cara yang difikirkan patut oleh Yang Dipertua.

(4) Yang Dipertua boleh melepaskan barang-barang sitaan yang dituntut tertakluk kepada apa-apa syarat dan penjelasan bayaran pengalihan dan simpanan.

Kuasa mengkompaun

16. Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua boleh mengikut budi bicaranya mengkompaun mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam Undang-undang Kecil ini sejumlah wang tidak melebihi daripada Ringgit Malaysia tiga ratus.

Penalti

17. (1) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan di bawah Undang-undang Kecil ini, atau melanggar mana-mana syarat yang terkandung dalam sesuatu lesen tersebut adalah bersalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Mana-mana orang yang melakukan apa-apa kesalahan di bawah mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini, apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali dan bagi kesalahan berterusan, denda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

JADUAL I

[Undang-Undang Kecil 5(1)]

FI LESEN UNTUK PERSEORANGAN

(Sekiranya dikendalikan oleh Majlis)

BIL.	JENIS	SAIZ GERAJ	FI LESEN	FI TAPAK	MASA
1.	Pasar Malam	8 kaki x 6 kaki	Tidak melebihi RM40.00 bagi setiap 1 tahun	Tidak melebihi RM5 sehari untuk satu tapak	4.00 petang hingga 12.00 malam
2.	Pasar Sehari	8 kaki x 6 kaki	Tidak melebihi RM30.00 bagi setiap 1 tahun	Tidak melebihi RM5 sehari untuk satu tapak	6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

(Sekiranya dikendalikan oleh Pertubuhan Berdaftar)

BIL.	JENIS	SAIZ GERAJ	FI LESEN	MASA
1.	Pasar Malam	8 kaki x 6 kaki	Tidak melebihi RM20.00 bagi setiap 1 tahun	4.00 petang hingga 12.00 malam

BIL.	JENIS	SAIZ GERAI	FI LESEN	MASA
2.	Pasar Sehari	8 kaki x 6 kaki	Tidak melebihi RM20.00 bagi setiap 1 tahun	6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

LAIN-LAIN

1. Memindahkan sesebuah gerai atau barang-barang — Tidak melebihi RM50.00
2. Bayaran menyimpan sebuah gerai atau barang-barang — Tidak melebihi RM5.00 Setiap hari bagi tempoh tidak melebihi daripada 7 hari dan RM5.00 sehari kemudiannya

Bertarikh 15 April 2009
[PSU(K) 685/1407 SK]

ABD. RASHID BIN HAJI OTHMAN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Kedah

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976
(Act 171)

NIGHT/DAY MARKET (KUBANG PASU DISTRICT COUNCIL)
BY-LAWS 2009

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

By-Laws

1. Citation, commencement and application
2. Interpretation
3. Licence
4. Licence to be exhibit
5. Licence fee
6. Terms and conditions
7. Licence not transferable
8. Absence of licensee
9. Obstruction
10. Responsibility of the licensee
11. Disposal of refuse
12. Spilling of offensive matter
13. Night/day market stall be removed after business hour
14. Prohibition
15. Seizure
16. Compounding of offences
17. Penalty

SCHEDULE

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976
(Act 171)

NIGHT/DAY MARKET (KUBANG PASU DISTRICT COUNCIL)
BY-LAWS 2009

IN exercise of the powers conferred by section 102 and 102A of the Local Government Act 1976 [Act 171], the Kubang Pasu District Council makes and pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirms the following By-Laws.

Citation, commencement and application

1. (1) These By-Laws may be cited as the **Night/Day Market (Kubang Pasu District Council) By-Laws 2009**.

(2) These By-Laws shall apply only to the area administered by the Kubang Pasu District Council and shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

Interpretation

2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

“night/day market stall” includes, site, table, bench, chair, show board or any roof covering portable or non-portable and whether on wheels or not where food, drinks or goods of any kind;

“Council” means the Kubang Pasu District Council;

“night market” means any site on any public street, public lane, or public place which in the opinion of the Council suitable for the sale or display for sale of any food drinks or goods of any kind, from 4.00 p.m. to 12.00 midnight;

“day market” means any site on any public street, public lane, or public place which in the opinion of the Council suitable for the sale or display for sale of any food, drinks or goods of any kind, from 6.00 a.m. to 12.00 noon;

“licensee” means any person or association to whom a licence has been granted under these By-Laws; and

“President” means the President of Kubang Pasu District Council.

Licence

3. (1) No person shall erect or set up any night/day market stall on any public street, public lane or on any public place without a licence issued by the President.

(2) Every licence may be revoked, cancelled or suspended by the President at any time without assigning any reason therefore.

(3) Every licence issued under these By-Laws shall be signed by the President or any officer authorised in writing by the President, and shall be in such form as prescribed by the President from time to time.

(4) The licence issued shall be prescribed with site or sites and size of the night/day market stall together with trading hours as permitted, and occupy an area not exceeding the area specified in the licence.

Licence to be exhibit

4. Every licensee shall keep his licence exhibited at all times in a prominent and conspicuous place of the stall and produce or cause to be produced when required to do so by any authorized officer.

Licence fee

5. (1) The fees payable for organizing a night/day market or in the absent of an organizer, the licence fee shall be as set out in Schedule I or II.

(2) The fee paid for a licence shall not be refunded upon the revocation or suspension of a licence.

Terms and conditions

6. Every licence issued is subject to terms and conditions as the Council may think fit and if any term and condition is breached, the licence may be suspended or revoked at any time by the President.

Licence not transferable

7. (1) No licensee of any night/day market stall transfer, lease or let out his licence to any person or association without prior written permission from the President.

(2) Notwithstanding the provision of By-Law 7(1), for licences issued to any registered organizer, leasing and letting the licence to any person, can be permitted by the President.

Absence of Licensee

8. (1) A licensee shall, unless absent for some reasonable cause, at all times be present and conduct or superintend the business at his stall or pitch.

(2) Where a licensee cannot attend to his business at his stall for a period of thirty days or more, he shall appoint a nominee in his place with the prior approval of the President in writing.

(3) Where a nominee acts for licensee under the provisions of this By-Law, the duties and responsibilities imposed a licensee under these By-Laws shall fall upon such nominee who shall be liable to prosecution for any contravention of these By-Laws as if he were the licensee.

(4) The president may prescribed any payment and additional conditions for the appointment of a nominee.

Obstruction

9. Every licensee shall keep all passage-ways adjacent to his night/day market stall be free from obstructions of any kind arising from or in connection with his trade and no licensee shall place any article beyond the line of demarcation showing the area of his stall.

Responsibility of the licensee

10. Every licensee of the night/day market stall shall maintain—

- (a) his person and clothing in a state of cleanliness;
- (b) all articles relating to his business and includes foods, drinks in a clean and sanitary condition; and
- (c) shall be subjected to such medical examination as may be directed by the President.

Disposal or refuse

11. (1) All waste or wet solid refuse shall be placed in plastic bags or other suitable containers and shall be properly secured before they are deposited in refuse bin.

(2) Every licensee shall ensure that all refuse which is accumulated in the course of his business is deposited from time to time in a refuse bin.

(3) Every licensee shall ensure the cleanliness of the area of his stall after the trading hours.

Spilling of offensive matter

12. No licensee of night/day market stall or his employees shall cause or permit to be deposited, spilled, scattered or thrown any waste material, waste liquid or other offensive matter onto any street or any public place or into any drain.

Night/day market stall be removed after business hour

13. All articles, goods or other appurtenances relating to night/day market stall shall be removed by the licensee after the end of the specified trading hours.

Prohibition

14. No person shall set up any night/day market stall—

- (a) on the main roads;

-
- (b) within nine metres of a street junction;
 - (c) within thirty-six decimetres of a fire hydrant; or
 - (d) near with any prayer house, mosque, cemetery or any worship places.

Seizure

15. (1) The President or any authorised officer may seize and removed any unlicensed stall and any accompanying appliances belonging to any person and detain them at such place for a period as may be determined by the President at the risk of the owner.

(2) Any perishable articles seized under paragraph (1) of this By-Laws shall be disposed off and the profits thereof shall be retained by the Council until order from the court.

(3) Any person having any claim to any of the goods that have been removed and detained under paragraph (1) may claim the same from the President within a period of three months from the date of seizure subject to such condition as may be imposed by the President and subject to as specified in the Schedule I.

(4) In the event of there being no claim made to any of the goods that have been removed and detained within the specified period of three months, the President may impose off the said goods in such manner as the President may think fit.

Compounding of offences

16. The President, the Secretary or any authorised officer authorized in writing by the President shall on his discretion compound any offence committed by any person under these By-Laws and prescribed to be a compoundable offence money not exceeding the amount of Ringgit Malaysia three hundred ringgit.

Penalty

17. (1) Any person who contravenes any provision of these By-Laws or contravenes any condition stipulated in the licence thereof is guilty of an offence.

(2) Any person who commits an offence under any provisions of these By-Laws, shall on conviction be liable to a fine not exceeding Ringgit Malaysia two thousand or to a term of imprisonment not exceeding one year or to both, and in the case of a continuing offence, a fine not exceeding Ringgit Malaysia two hundred for everyday that the offence is continued after conviction.

SCHEDULE I

[By-Laws 5(1)]

LICENCE FOR INDIVIDUAL

(If Organised by Council)

BIL.	TYPE	SIZE OF STALL	LICENCE FEE	FI TAPAK	HOUR
1.	Pasar Malam	8 feet x 6 feet	RM40.00 per year	RM5 per days Per place	4.00 p.m. to 12.00 midnight
2.	Pasar Sehari	8 feet x 6 feet	RM30.00 per year	RM5 per days Per place	6.00 a.m. to 12.00 noon

(If Organised by Registered Organizer)

BIL.	TYPE	SIZE OF STALL	LICENCE FEE	HOUR
1.	Pasar Malam	8 feet x 6 feet	RM20.00 per year	4.00 p.m. to 12.00 midnight
2.	Pasar Sehari	8 feet x 6 feet	RM20.00 per year	6.00 a.m. to 12.00 noon

OTHERS

1. To removed stall or goods — Not exceeding RM50.00
2. Charge for storage of goods — Not exceeding RM50.00 perdays and RM5.00 for the next extra day

Dated 15 April 2009
[PSU(K) 685/1407 SK]

ABD. RASHID BIN HAJI OTHMAN
Clerk of the State Executive Council
Kedah

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA